

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017G

## Bencana jika Pakatan Harapan menang

**KUALA LUMPUR 14 Ogos** - Kekecohan yang berlaku dalam forum *Nothing To Hide 2.0* di Shah Alam semalam memberi gambaran jelas bahawa bencana besar akan menimpa negara sekiranya Pakatan Harapan yang diketuai DAP memegang kuasa pada pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad berkata, kegagalan Pakatan Harapan mengendalikan forum itu daripada huru-hara memberi bayangan kepada rakyat tentang apa yang akan mereka lakukan kepada negara.

"Program *Nothing To Hide 2.0* merupakan anjuran Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada)



TENGGU SARIFFUDDIN

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan dihadiri oleh barisan kepimpinan serta penyokong parti tersebut.

"PPBM secara keseluruhan bertanggungjawab terhadap program itu. Jadi tindakan menyalahkan huru-hara yang berlaku terhadap

UMNO adalah cubaan pembangkang untuk menutup tindakan memalukan yang dilakukan ahli-ahlinya sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sementara itu Tengku Sariffuddin berkata, realitinya, para penyokong pembangkang kecewa dengan Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana gagal menjawab soalan-soalan mengenai skandal yang berlaku ketika pemerintahannya termasuk hukuman penjara terhadap Datuk Seri

Anwar Ibrahim dan pembunuhan beramai-ramai di Memali.

Menurut beliau, disebabkan itu, forum *Nothing To Hide 2.0* sepatutnya dinamakan *Everything To Hide* (Segalanya Disembunyikan).

Jelasnya, tuduhan liar terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan para pemimpin Pakatan Harapan adalah tidak tepat, melulu serta tidak sepatutnya.

"Tuduhan itu merupakan percubaan yang jelas untuk mengalihkan perhatian mengenai perpecahan PPBM dan satu lagi usaha mewujudkan kebencian serta kemarahan terhadap kerajaan," katanya.

Tambah Tengku Sariffuddin, pihak berkuasa akan menyiasat insiden itu dan mengambil tindakan yang sepatutnya mengikut undang-undang.

UM-15/8/2017 Pg. 9